

BAB 3

ANALISIS DATA

BAB 3

ANALISIS DATA

Semasa menjalankan kajian bertajuk "Sikap dan Persepsi Masyarakat Terhadap Risalah Periklanan" ini, penyelidik telah mengumpulkan risalah-risalah yang diedarkan ke dalam peti surat rumah penyelidik sendiri. Tujuan pengumpulan ini adalah untuk mengetahui jenis-jenis risalah yang sering diedarkan di dalam peti surat kediaman penduduk di Seksyen 8, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tempoh pengumpulan risalah tersebut bermula dari 15 Oktober 2001 hingga 31 Disember 2001.

Berdasar kepada pemerhatian dan pengumpulan yang telah dilakukan sepanjang tempoh tersebut, penyelidik mengandaikan bahawa terdapat sebanyak lebih kurang 94 helai risalah telah dihantar ke dalam peti surat setiap rumah kediaman di Seksyen 8, Shah Alam, Selangor. Menurut seorang penghantar risalah, penghantaran risalah ke dalam peti surat rumah kediaman itu bergantung kepada jumlah risalah yang dibekalkan serta mengikut kawasan yang diarahkan oleh penyelia beliau. Selalunya risalah itu diedarkan mengikut seksyen. Risalah yang diedarkan tersebut terdiri daripada:


Jenis Risalah	Bilangan (Helai)	Peratus (%)
Barangan	17	18.1
Perkhidmatan	56	59.6
Jualan Murah	17	18.1
Pemberitahuan (Pembukaan Rasmi)	3	3.2
Kekosongan Jawatan	1	1.1
Jumlah	94	100

Jadual 3.1 Anggaran jenis risalah yang diedarkan ke dalam peti surat setiap rumah kediaman di Seksyen 8, Shah Alam, Selangor

Risalah yang paling banyak dikumpul ialah risalah perkhidmatan, iaitu sebanyak 56 helai (59.6%), diikuti dengan risalah barang dan jualan murah, masing-masing 17 helai (18.1%). Risalah pemberitahuan (pembukaan rasmi) sebanyak 3 helai (3.2%) dan yang paling sedikit diterima ialah risalah kekosongan jawatan, iaitu hanya sehelai (1.1%) sahaja.


Seterusnya, penyelidik akan menganalisis data berpandukan kepada soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik.

Jantina




Rajah 3.1 di atas, menunjukkan daripada 221 responden, sebanyak 46.6% (103 orang) terdiri daripada lelaki dan 53.4% (118 orang) terdiri daripada perempuan.

Umur



Berdasarkan carta bar di atas (Rajah 3.2), dapatlah dilihat bahawa peratus golongan umur tertinggi terdiri daripada responden yang berumur dalam lingkungan 21-30 tahun, iaitu sebanyak 52.5%. Golongan umur kedua tertinggi ialah berumur antara 31-40 tahun, iaitu sebanyak 24.4%, diikuti dengan golongan 41-50 tahun (10%), 11-20 tahun (8.1%), 51-60 tahun (4.5%) dan sebanyak 0.5% tidak menyatakan umur sebenar mereka.

Bangsa



Secara keseluruhannya, kebanyakan responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu, iaitu sebanyak 73.3%. Seterusnya diikuti dengan bangsa Cina sebanyak 15.8%, India sebanyak 5.9%, lain-lain sebanyak 4.5% dan sebanyak 0.5% tidak menyatakan bangsa mereka. Responden yang berbangsa lain-lain itu terdiri daripada bangsa Iban, Kadazan, Melanau, Serani dan Arab.

Taraf Pendidikan Tertinggi

Penyelidik telah membahagikan taraf pendidikan tertinggi responden kepada lepasan darjah 6, tingkatan 3 (SRP/PMR), tingkatan 5 (SPM), tingkatan 6 (STPM), sijil/diploma, ijazah dan responden yang tidak tergolong dalam kumpulan ini dikodkan sebagai taraf lain-lain.

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Darjah 6	6	2.7
Tingkatan 3 (SRP/PMR)	8	3.6
Tingkatan 5 (SPM)	22	10.0
Tingkatan 6 (STPM)	15	6.8
Sijil/Diploma	82	37.1
Ijazah	79	35.7
Lain-lain	9	4.1
Jumlah	221	100

Jadual 3.2 Taraf pendidikan responden

Secara keseluruhannya, majoriti responden adalah terdiri daripada golongan yang berpendidikan. Sebanyak 37.1% adalah lepasan sijil/diploma, diikuti dengan 35.7% lepasan ijazah, 10.0% lepasan tingakatan 5 (SPM), 4.1% lepasan lain-lain, 3.6% lepasan tingkatan 3 (SRP/PMR) dan 2.7% lepasan darjah 6. Lepasan lain-lain itu terdiri daripada mereka yang memiliki sarjana dan doktor falsafah (phd).

Pendapatan Bulanan Responden


Pendapatan	Bilangan	Peratus (%)
Kurang daripada RM1,000	61	27.6
RM1,001-RM2,000	65	29.4
RM2,001-RM3,000	40	18.1
RM3,001-RM4,000	16	7.2
RM4,001-RM5,000	6	2.7
RM5,001 dan ke atas	10	4.5
Tidak Menjawab	23	10.4
Jumlah	221	100

Jadual 3.3 Pendapatan bulanan responden

Majoriti responden adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan dalam lingkungan RM1,001-RM2,000 iaitu sebanyak 29.4% daripada jumlah keseluruhan. Seterusnya diikuti dengan 27.6% untuk golongan berpendapatan kurang daripada RM1,000, 10.4% tidak menyatakan pendapatan mereka, 18.1% untuk pendapatan antara RM2,001-RM3,000, 7.2% untuk pendapatan antara RM3,001-RM4,000, 4.5% untuk pendapatan antara RM5,001 ke atas dan 2.7% untuk pendapatan antara RM4,001-RM5,000.

Menerima Risalah


Rajah 3.4 Peratus Responden Yang Pernah Dan Tidak
Pernah Menerima Risalah



Rajah 3.4 di atas menunjukkan peratus responden yang pernah dan tidak pernah menerima risalah dalam peti surat kediaman mereka. Sebanyak 98.6% daripada mereka pernah menerima risalah dan hanya 1.4% sahaja yang tidak pernah menerimanya.

Jenis Risalah Yang Diterima (Dalam Tempoh Seminggu)

Rajah 3.5 Peratus Jenis Risalah Yang Diterima Oleh Responden



Berdasarkan pendapat atau pilihan yang telah dibuat oleh responden, jenis risalah yang paling banyak diterima ialah risalah jualan murah (80.1%), diikuti dengan risalah barang (72.9%), risalah perkhidmatan (65.2%), risalah pemberitahuan (31.7%) dan risalah kekosongan jawatan (7.7%).

**Anggaran Risalah Yang Diterima Oleh Responden (Dalam Tempoh
Seminggu)**


Anggaran	Bilangan	Peratus (%)
Lebih daripada 5	153	69.2
Lebih daripada 10	48	21.7
Lebih daripada 15	13	5.9
Lebih daripada 20	5	2.3
Tidak menjawab	2	0.9
Jumlah	221	100

Jadual 3.4 Anggaran risalah yang diterima oleh responde (dalam tempoh seminggu)

Anggaran jumlah risalah yang paling banyak diterima oleh responden dalam tempoh seminggu ialah lebih daripada 5. Sebanyak 69.2% menyatakan anggaran risalah yang diterima adalah lebih daripada 5. Selebihnya, sebanyak 21.7% menyatakan lebih daripada 10, sebanyak 5.9% menyatakan lebih daripada 15, sebanyak 2.3% menyatakan lebih daripada 20 dan sebanyak 0.9 tidak memberikan jawapan.

Membaca Risalah

Rajah 3.6 Peratus Responden Yang Membaca Risalah




Secara keseluruhannya, berdasarkan Rajah 3.6 di atas, kebanyakan responden hanya membaca sebahagian sahaja daripada risalah yang diedarkan ke dalam peti surat kediaman mereka. Sebanyak 58.8% daripada responden menyatakan bahawa mereka hanya membaca sebahagian sahaja risalah yang diedarkan. Hanya 10.0% daripada responden sahaja yang membaca semua risalah yang diedarkan, 29.9% membacanya sedikit sahaja dan 1.4% tidak memberikan jawapan.

Sebab Membaca Risalah


Rata-ratanya, sebanyak 48.9% daripada responden membaca risalah untuk mengetahui lebih lanjut tentang maklumat yang disampaikan dalam risalah yang diedarkan. 29.9% menjadikan risalah sebagai panduan untuk mengetahui tentang jualan murah atau tawaran yang berlaku di persekitaran. Manakala 16.3% menyatakan bahawa mereka membaca risalah adalah kerana tertarik dengan reka bentuk (design), saiz dan warna risalah yang diedarkan kepada mereka. Hanya 2.7% sahaja daripada mereka yang menyatakan bahawa penyampaian maklumat di dalam risalah menarik dan tepat. Selebihnya berjumlah 2.3% tidak memberikan jawapan.

Kriteria Utama Yang Menarik Perhatian Responden Untuk Membaca Risalah



Antara faktor utama yang menarik perhatian responden untuk membaca risalah yang diedarkan ke dalam peti surat kediaman mereka adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.7 di atas. Sebanyak 43.4% menyatakan kerana tajuk, 37.1% kerana visualnya, iaitu termasuklah aspek-aspek seperti reka bentuk (design), reka letak dan fotografi, 9.5% kerana 'power words', 7.7% kerana warna, 1.8% kerana saiz dan 0.5% tidak memberikan jawapan.

Menyimpan Risalah




Hanya sebanyak 19.5% sahaja daripada responden menyimpan risalah yang diedarkan ke dalam peti surat kediaman mereka. Lebih separuh daripada responden, iaitu sebanyak 80.1% tidak menyimpan risalah tersebut dan 0.5% tidak memberikan jawapan.

Sebab Menyimpan Risalah

Responden yang menyimpan risalah itu menyatakan sebab-sebab mereka menyimpan risalah ialah untuk rujukan pada masa-masa akan datang (13.1%), dan diikuti dengan mereka merasakan bahawa maklumat yang terdapat dalam risalah itu berfaedah (8.1%), tertarik dengan gambar-gambar yang terdapat dalam risalah (6.3%) dan risalah itu ditulis dengan baik dan menarik (2.3%).


Media Rujukan Utama Untuk Mendapatkan Maklumat Periklanan



Kebanyakan daripada responden, iaitu sebanyak 38.9% menyatakan bahawa untuk mendapatkan maklumat periklanan, media

yang menjadi rujukan utama mereka ialah akhbar. Sebanyak 29.4% memilih televisyen, 10.4% memilih risalah, 8.1% memilih majalah, 7.2% memilih radio, 4.1% memilih Internet/dalam talian, 1.4% memilih 'billboard' dan 0.5% tidak memberikan jawapan.

Pendapat Responden Tentang Masa Depan Risalah



Sebanyak 50.6% daripada responden memberikan pendapat yang positif, iaitu pendapat yang membina tentang masa depan risalah serta yang boleh meningkatkan mutu risalah dalam menyebarkan maklumat periklanan. 36.7% memberikan pendapat yang negatif, iaitu lebih kepada pendapat yang kontra tentang masa depan risalah dalam menyebarkan maklumat periklanan dan 12.7% tidak memberikan apa-apa komen.

Sikap Dan Persepsi Masyarakat Terhadap Risalah

	Sikap(S) dan Persepsi(P)	Peratus (%) Penilaian				
		SS	S	TK	TS	STS
1	Maklumat dalam risalah adalah tidak tepat.(P)	3.6	16.7	39.8	33.0	6.8
2	Saya selalu mencuba barang atau perkhidmatan baru kerana risalah.(S)	0.5	25.3	22.6	37.6	14.0
3	Risalah membawa pengaruh buruk ke atas masyarakat.(P)	1.8	3.6	27.6	43.4	23.5
4	Risalah merupakan sebahagian penting media periklanan yang penting dalam masyarakat kita. (P)	21.7	65.6	7.2	5.4	0
5	Terdapat terlalu banyak risalah yang dihantar ke kediaman.(P)	26.7	52.5	11.8	8.6	0.5
6	Risalah membantu saya menambahkan pengetahuan tentang barang dan perkhidmatan yang diiklankan.(S)	11.3	67.0	15.4	5.9	0.5
7	Risalah yang berwarna lebih mendorong saya membacanya. (S)	22.6	58.8	11.8	5.9	0.9
8	Risalah yang bergambar lebih mendorong saya membacanya. (S)	28.1	55.2	8.6	6.8	1.4
9	Perkataan seperti 'Jualan Murah', 'Harga Runtuh' dan lain-lain menarik perhatian saya untuk melihat/membaca risalah tersebut.(S)	25.8	48.0	14.5	6.3	5.4
10	Bagi kebanyakan risalah, saya hanya membaca tajuknya sahaja.(S)	14.5	42.1	16.3	24.4	2.7
11	Saya selalu menghadapi masalah untuk memahami perkataan yang terdapat dalam risalah.(P)	4.1	8.6	19.0	46.6	21.7

Jadual 3.5 Sikap dan persepsi masyarakat terhadap risalah periklanan

SS = Sangat Setuju, S = Setuju, TK = Tiada Komen

TS = Tidak Setuju, STS = Sangat Tidak Setuju